

Tenaga kerja Sarawak Metro sertai program di China



UNTUK ALBUM... Mazli Mustaffa bersama kakitangan Sarawak Metro bergambar bersama sebelum berlepas ke Changsha, China baru-baru ini.

SHAHRUL QAIZAT

KUCHING: Sarawak Metro Sdn Bhd (Sarawak Metro) menghantar sepasukan tenaga kerjanya ke China untuk menyertai

satu program bersama pemaju Transit Aliran Autonomi (ART). Menurut Sarawak Metro dalam satu kenyataan, program tersebut adalah di bawah program Pembangunan Peningkatan Sosio-Ekonomi (SEED) Metro

Sarawak dalam usaha meningkatkan nilai perolehan projek Sistem Pengangkutan Bandar Kuching (KUTS). Katanya, seramai empat anggota kerja Sarawak Metro yang terdiri daripada seorang jurutera dan

tiga penitis telah menuju ke Changsha, China baru-baru ini. "Program yang berlangsung selama 10 minggu itu, menandakan satu lagi kejayaan bagi Sarawak Metro dalam usaha kami melahirkan kumpulan tenaga mahir untuk menguruskan projek KUTS," katanya. Ketua Pegawai Eksekutif Sarawak Metro, Mazli Mustaffa berkata program tersebut juga merupakan inisiatif Sarawak Metro untuk melahirkan bakat muda tempatan untuk menguruskan keperluan industri baharu tersebut. "Ini adalah komitmen kami ke arah memastikan kejayaan projek murni ini, yang bertujuan untuk memodenkan pengangkutan awam dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di Greater

Kuching," katanya. Untuk rekod, Projek KUTS sedang dibangunkan secara berperingkat dan Fasa 1 merangkumi pembangunan tiga laluan - Laluan Biru dari Rembus di Kota Samarahan ke Hikmah Exchange di pusat bandar; Laluan Merah dari Kuching Sentral ke Pending, dan Laluan Hijau dari Pending ke Damai. Fasa 1 Projek KUTS dijadualkan mula beroperasi pada suku keempat 2025. Tulang belakang projek KUTS ialah pengenalan kenderaan hidrogen ART. Kenderaan ART akan dikendalikan di lorong khusus, yang bermaksud ia tidak akan berkongsi jalan dengan pengguna jalan raya lain.

Tubuh jawatankuasa khas urus sekolah daif

SIBU: Persatuan Pemikir Dayak Sarawak (DTTAS) dan Kongres Kebangsaan Dayak (DNC) menggesa Kementerian Pendidikan (KPM) menubuhkan jawatankuasa khas urus dan selia dana sekolah daif. Timbalan Presiden DTTAS, Ricky Sani berkata, kelemahan pemantauan projek menaik taraf sekolah daif seluruh negara menjadi punca isu itu tidak dapat ditangani secara tuntas. Katanya, isu sekolah daif yang telah lama berlarutan di negeri ini, kerana kuasa selia perkara ini masih terletak pada KPM dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak sebagai agensi pelaksana. "Setakat ini kita lihat tiada sebarang perkembangan positif mengenai kemajuan isu sekolah daif. "Autonomi pendidikan Sarawak hanya terhad kepada Fasal 17, Laporan

Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC) 1962 yang menyebut Sarawak dan Sabah diberi kuasa untuk menentukan dasar sistem pendidikannya sendiri walaupun pendidikan adalah perkara di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. "Kita tidak meminta lebih atau kurang daripada perkara yang telah ditetapkan dalam Fasal 17 Laporan IGC. "Oleh itu, kita mencadangkan supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengurus dan menyelia dana peruntukan sekolah daif yang melibatkan Kerajaan Sarawak supaya program libat urus berjalan mengikut masa yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan semalam. Pembentangan Belanjawan Madani 2023 oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim menggariskan antara fokus utama untuk KPM ialah meningkatkan taraf pendidikan negara dan memelihara kebajikan guru serta murid.

Beliau berkata, KPM telah menerima peruntukan tertinggi, iaitu sebanyak RM55.2 bilion berbanding RM52.6 bilion pada tahun sebelumnya. Katanya, peruntukan sebanyak RM920 juta diberikan untuk menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 380 sekolah daif di seluruh negara, khususnya di Sabah dan Sarawak melalui kaedah perolehan khas selaras teras keenam KPM. "Apakah status terkini 380 sekolah menengah dan sekolah rendah yang dikenal pasti sebagai daif dan dalam keadaan kritikal, khususnya di Sabah dan Sarawak? "Kita ingin tahu pembaharuan yang telah dilakukan bagi menangani isu sekolah daif di Sarawak, penetapan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang daif berdasarkan analisis skor gred impak," katanya. Pada masa sama, Presiden DNC Paul Raja berkata, kerajaan wajar memben perhatian segera terhadap negeri Sarawak yang mempunyai banyak sekolah daif dan usang untuk dinaik taraf. Katanya, keadaan kebanyakan sekolah rendah dan sekolah menengah amat menyedihkan dan sukar untuk digambarkan, atop kelas bocor dan dinding reput menunggu masa untuk runtuh. "Sekolah-sekolah tersebut masih lagi menggunakan generator sebagai bekalan elektrik utama. "Kita berasa amat sedih

melihat keadaan sekolah yang sangat daif wujud di pinggir bandar. Keadaan sekolah ini sama seperti 40 tahun dahulu tanpa ada perubahan. "Oleh itu, KPM perlu komited memastikan sekolah daif di Sarawak diselesaikan dengan secepat

mungkin," ujarnya. Justeru, DTTAS dan DNC meminta agar KPM mengutamakan sekolah daif di Sarawak dalam peruntukan Belanjawan 2024 dan sekolah yang kritikal perlu dibaikpulih dengan segera.

UNIFOR komited bina rumah ibadat baharu

SERIAN: Kerajaan Sarawak melalui Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) terus komited membantu pembinaan rumah ibadat baharu khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedup. Seramai 13 penerima mendapat dana sejumlah RM1.35 juta daripada UNIFOR yang mana penyerahan cek kepada setiap penerima telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedup, Martin Ben di sini, kelmarin. Martin memberitahu, walaupun jumlah yang diterima adalah kurang daripada dana yang dimohon, namun ia dapat membantu dalam pelaksanaan projek-projek yang bakal dijalankan.

Justeru, beliau berharap agar laporan kemajuan projek rumah ibadat masing-masing dibuat mengikut jadual dan setiap perbelanjaan juga mesti direkodkan agar beliau dapat memantau dan memben nasihat berkenaan projek tersebut. Sementara itu, Pengerusi Gereja 'Seventh-day Adventist' (SDA), Tani Saleng meluahkan rasa syukur dan berterima kasih kepada ADUN Kedup dan UNIFOR kerana permohonan bagi membina dewan gereja baharu kini ditunaikan. Hadir sama, Pegawai Tadbir khas kepada Martin Ben, Boniface Alin Tanung, Pegawai Pusat Khidmat DUN Kedup, Robin Augustine Kiek, Bendahari Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Cawangan Kedup, Patric Miden dan ketua kaum serta Pengerusi Rumah Ibadat Kawasan DUN Kedup.



TIMBALAN Presiden DTTAS, Ricky Sani.

PRESIDEN DNC, Paul Raja